

MANDI BUNGA: SUATU PENELITIAN AWAL TENTANG AMALAN DAN FUNGSINYA DALAM MASYARAKAT MELAYU

(Flower Bath: A Preliminary Research on Its Practice and Function in Malay Society)

Wan Hasmah Wan Teh
hasmahwt@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). Wan Hasmah Wan Teh. (2023). Mandi bunga: Suatu penelitian awal tentang amalan dan fungsinya dalam masyarakat Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 271–286. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	15/9/2022	Semakan: <i>Revised</i>	17/3/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	17/4/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	5/7/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--------------------------------------------------	----------

Abstrak

Makalah ini membicarakan mandi bunga sebagai amalan dan fungsinya dalam masyarakat Melayu. Mandi dengan bunga tertentu merupakan tradisi budaya sama ada di Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan negara serumpun lainnya. Kajian ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang jelas tentang mandi bunga, amalan dan fungsinya dalam masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bersama-sama dengan seorang pengamal perubatan tradisional yang pernah dan masih mengendalikan adat mandi bunga di Parit Haji Amin, Sungai Rawa, Parit Buntar, Perak. Kaedah ini dijalankan pada Januari 2021 untuk mendapatkan sumber primer dan justifikasi pemilihan ini berdasarkan pengalaman beliau yang telah berkecimpung dalam perubatan tradisional selama 30 tahun serta masih aktif menjalankan kerja-kerja pengubatan tradisional sehingga kini. Dapatan kajian mendapati mandi bunga melibatkan berjenis-jenis bunga, dengan kaedah penyediaan mandi bunga dan tujuan pelaksanaannya. Selain itu juga, didapati mandi bunga mempunyai fahaman animisme, dinamisme dan Hindu-Buddha yang percaya kepada semangat dan roh. Amalan mandi bunga mempunyai pelbagai tujuan seperti menaikkan seri pengantin, membuang nasib malang dan mendapatkan sesuatu hajat seperti mendapatkan ilmu hitam, kedudukan, memikat, dan memakai susuk. Walau bagaimanapun amalan mandi bunga ini tidak lagi popular dalam masyarakat Melayu kerana kebanyakannya telah berubah kepada mandi bunga yang bersifat komersial.

Selain itu, tradisi mandi bunga yang diamalkan oleh masyarakat Melayu ini amat bertentangan dengan ajaran Islam kerana terdapat unsur mempercayai semangat dan boleh mendatangkan syirik.

Kata kunci: Adat Melayu, kepercayaan, mandi bunga, perubatan tradisional, semangat, amalan dan fungsi

Abstract

This paper discusses the flower bath as a practice and its function in Malay society. Bathing with certain flowers is a cultural tradition in Malaysia, Indonesia, Singapore, Thailand and other related countries. This study aims to provide a clear understanding of flower bath, including its practice and function in Malay society. This study uses the interview method with a traditional medicine practitioner who has been and still upholds the custom of flower bath in Parit Haji Amin, Sungai Rawa, Parit Buntar, Perak. This method was carried out in January 2021 to obtain primary sources and justification for the selection based on her experience of being involved in traditional medicine for 30 years and remains active in traditional medicine work. The results found that flower bath involves various types of flowers, along with its preparation method and the purpose of its implementation. Moreover, it is found that flower bath has animism, dynamism and Hindu and Buddhist beliefs concerning the spirit and soul. The practice of flower bath has various purposes, such as enhancing a bride's glow, dispelling bad luck and obtaining a wish, such as obtaining black magic, position, allure and wearing charm needles (susuk). However, this practice of flower bath is no longer popular in the Malay community because most of them have changed to commercial flower bath. In addition, the tradition of flower bath practiced by the Malay community highly contradicts Islamic teachings because there is an element of believing in spirits, which can lead to polytheism.

Keywords: Malay custom, belief, flower bath, traditional medicine, spirit, practice and function

PENGENALAN

Mandi ialah perkataan yang sinonim dengan perkataan bersiram, berendam, dan berkubang. Mandi bermaksud membersihkan tubuh badan dengan menggunakan air bersih seperti air paip, telaga, air mata air, sungai, laut dan parit. Namun begitu, terdapat juga mandi tanpa menggunakan air seperti wap dan lumpur bagi tujuan yang berbeza seperti perubatan dan kecantikan. Makalah ini tidak menyentuh kaedah mandi tanpa menggunakan air kerana kaedah itu bukan fokus utama yang akan dibahas dalam makalah ini. Lazimnya mandi menggunakan air bersih dilakukan pada waktu pagi setelah seseorang itu bangun daripada tidur dan setelah pulang bersukan, bermain di

luar rumah, bekerja membanting tulang di sawah, hutan, ladang, tapak pembinaan, perniagaan dan pejabat.

Secara umumnya, mandi untuk masyarakat Melayu yang beragama Islam boleh dikelaskan kepada beberapa jenis, iaitu mandi hadas, mandi wajib, dan mandi sunat sempena peristiwa dan hari tertentu misalnya Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan Hari Jumaat. Kesemua jenis mandi ini ialah mandi yang disyariatkan dalam ajaran agama Islam dan disertai dengan bacaan niat yang berbeza-beza bergantung pada jenis mandi yang dilakukan. Pengertian mandi dalam Islam adalah meratakan air mutlak ke seluruh anggota badan dengan niat. Menurut Paul, Nor Sahayu dan Tuan Nur Aisyah (2019), dalam masyarakat Islam perkara sunat dalam mandi dimulai dengan membaca “bismillah”, iaitu lafaz berwuduk sebelum mandi, kemudian membasuh dua tapak tangan. Seterusnya, menggosok seluruh bahagian badan dari kanan ke yang kiri. Sunat mengulangi membasuh anggota tubuh sebanyak tiga kali secara berturut-turut seperti mengambil wuduk (Paul, Nor Sahayu & Tuan Nur Aisyah, 2019). Walaupun terdapat tatacara mandi sunat dalam Islam, masyarakat Melayu juga turut mempercayai mandi yang dikaitkan dengan adat. Perkataan adat jika dirujuk melalui carian umum di laman sesawang khidmat nasihat bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka¹, bermaksud suatu peraturan yang sudah diamalkan secara turun-temurun dalam masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Dari sudut kebudayaan istilah adat bermaksud peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang harus dipatuhi, malah dalam aspek tertentu adat berfungsi sebagai undang-undang masyarakat yang tidak tertulis atau termaktub sebagai undang-undang (Asmad, 1990). Adat boleh ditakrifkan juga sebagai suatu aturan dan cara hidup yang mencerminkan perlakuan harian, bermusim sama ada berdasarkan bulan atau tahun (<http://www.heritage.gov.my/index.php/adat>). Sesebuah masyarakat juga menjalani kehidupan berdasarkan adat nenek moyang mereka untuk menyempurnakan atau melaksanakannya sebagai satu peraturan. Peraturan ini menjadi adat, sifat dan tabiat manusia yang lama-kelamaan telah menjadi kebiasaan atau satu kemestian yang diikuti secara turun-temurun bagi mengekalkan tradisi sesuatu masyarakat atau kaum tertentu (<http://www.heritage.gov.my/index.php/adat>).

Mandi yang berkaitan dengan adat ini salah satunya disebut sebagai mandi bunga. Dalam konteks ini, mandi bunga ialah aktiviti perlakuan bermusim yang dilaksanakan pada hari atau peristiwa tertentu seperti perkahwinan atau keadaan tertentu seperti sakit, selepas melahirkan atau berhajatkan sesuatu. Menurut Nur Kasih et al. (2020) mandi bunga jika dilihat dari perspektif antropologi memiliki keterkaitan dengan kepercayaan masyarakat tentang ilmu ghaib dan pembuktiannya tidak dapat dijelaskan secara teoritis dan logik akal manusia. Mandi bunga menjadi

salah satu alternatif atau usaha yang dilakukan dan dipercayai dapat memberikan jalan keluar terhadap permasalahan yang dihadapi oleh sesuatu kelompok masyarakat. Ciri khas amalan mandi bunga ini ialah campuran air bersama-sama bunga daripada pelbagai jenis bunga dan haruman yang dipercayai dapat memberikan aura kepada penggunanya. Campuran bunga ini berbeza mengikut masyarakat dan negara, misalnya dalam masyarakat Melayu di Malaysia, mandi bunga akan ditambah dengan sintok dan limau purut.

Di Indonesia, mandi bunga disebut sebagai “mandi kembang” kerana bunga juga disebut sebagai kembang. Misalnya terdapat amalan mandi kembang lesan dalam masyarakat Jawa Tengah, Indonesia yang menggunakan tujuh jenis bunga dengan pelbagai campuran rempah (Afria Ulin Nuha & Farah Fahrudin Nisa, 2020). Mandi lesan mempunyai fungsi untuk menghilangkan lesu yang diakibatkan oleh gangguan makhluk ghaib. Adat ini sangat popular bukan sahaja di Malaysia dan Indonesia, tetapi juga di Brunei, Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja. Bagi masyarakat Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, mandi bunga cukup popular untuk acara perkahwinan. Bagi orang Cina dan India, adat mandi bunga telah pun berlangsung berabad-abad lamanya dalam masyarakat mereka, dan tujuan khususnya adalah berkaitan dengan agama, kesihatan dan nasib seseorang. Misalnya dalam masyarakat India, mandi bunga merupakan ritual tahunan yang dilakukan dalam upacara keagamaan yang dipanggil “Karthika Brahmotsavam” dan lazimnya dilakukan pada petang hari jumaat (<https://www.thevocket.com/kepercayaan-karut-terhadap-amalan-mandi-bunga-dalam-masyarakat-melayu/>). Mandi bunga dalam upacara keagamaan “Karthika Brahmotsavam” ini disambut pada bulan lapan dalam kalendar Hindu oleh penganut Mazhab Vishnu (sumber temu bual, 2023).²

KEPERCAYAAN MASYARAKAT MELAYU PRIMITIF

Pada asalnya, mandi bunga sangat erat dengan kepercayaan animisme, dinamisme dan Hindu-Buddha. Menurut Nurdeng (2010:86), pandangan dunia masyarakat Melayu zaman praagama Hindu-Buddha adalah bercirikan animisme, iaitu kepercayaan terhadap adanya jiwa pada setiap benda yang dapat dilihat dan bersifat nyata. Kepercayaan ini membawa fahaman bahawa alam semesta mempunyai kepelbagaian jiwa dan memiliki perwatakan sendiri. Melalui kefahaman ini, setiap objek atau tempat-tempat tertentu diyakini mempunyai penunggu atau penghuni dalam kalangan makhluk luar biasa yang memiliki kuasa mistik (Nurdeng Deuraseh, 2010:86). Oleh yang demikian, masyarakat silam mula mengadakan upacara tertentu seperti menyembah pantai atau memberi makan hantu bagi tujuan berkomunikasi dengan makhluk luar biasa untuk memohon sesuatu hajat dan menghindari bencana alam.

Seterusnya kepercayaan dinamisme juga mengakui adanya “tenaga” dalam roh, jiwa dan semangat dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda yang boleh mendatangkan kesan baik dan buruk kepada manusia termasuk kata-kata yang diucapkan atau ditulis dan tanda-tanda yang direkodkan (Nurdeng Deuraseh, 2010:87). Kepercayaan dinamisme ini melahirkan magis, iaitu penguasaan terhadap kuasa atau tenaga ghaib. Oleh itu, masyarakat dahulu kala mempercayai wujudnya makhluk ghaib yang dapat mengganggu dan menakutkan mereka. Tenaga yang dijelaskan ini juga dikenali sebagai “mana” yang diambil daripada suku Polinesia, “sahala” oleh orang Batak, “kesakteri” atau kesaktian’ oleh orang Jawa, manakala orang Melayu pula menyebutnya sebagai “semangat”.

Seterusnya, kemasukan kepercayaan Hindu-Buddha di Kepulauan Melayu telah disambut baik oleh masyarakat Melayu primitif kerana mempunyai ciri-ciri animisme dan dinamisme. Kepercayaan ini membuatkan upacara penyembahan menjadi lebih berstruktur dan bersifat rasmi kerana melibatkan pengaruh raja dan golongan istana. Menurut Nurdeng Deuraseh (2010:88), ritual keagamaan pada era Hindu-Buddha ini banyak menggunakan jampi dan mantera terutama dalam hal yang berkaitan dengan rawatan dan pencegahan penyakit. Jampi dan mantera ini lazimnya memuja dewa yang terjelma dalam objek seperti pokok, batu, bukit, pantai dan laut. Kesemua objek ini dipercayai boleh menjadi penghubung kepada dewa serta mempunyai kuasa magis yang mampu memenuhi kehendak dan melindungi masyarakat tersebut.

Melalui penjelasan tentang kepercayaan animisme, dinamisme dan Hindu-Buddha ini, huraian terhadap adat mandi bunga akan lebih mudah difahami kerana adat ini masih mempunyai ciri-ciri kefahaman tersebut. Dalam kepercayaan Hindu, tumbuh-tumbuhan mempunyai banyak kegunaan dalam pelbagai ritual penyembuhan dan keselamatan, misalnya limau purut berfungsi untuk menghalau hantu dan iblis, manakala bentuk bulat-bulat mewakili dunia sebagai “chakra” dalam makrokosmos falsafah agama Hindu.

ADAT MANDI BUNGA

Mandi bunga pada umumnya adalah untuk menghilangkan nasib buruk, menangkis semangat jahat dan kemudian meningkatkan aura seseorang dengan harapan dapat menarik nasib yang lebih baik. Masyarakat Melayu percaya bahawa bunga yang digunakan untuk adat ini mestilah dalam nombor ganjil daripada tujuh atau sembilan atau sebelas jenis bunga berlainan. Selain itu, ada juga yang menggunakan kapur yang telah dibacakan doa untuk menghasilkan tenaga yang dapat menarik hasil yang diinginkannya. Tujuh jenis bunga ini dipercayai mempunyai aura dan semangat tersendiri yang dapat memberikan faedah kepada individu yang dimandikan. Tujuh jenis bunga tersebut ialah:

1. Bunga Cempaka

Bunga ini dikenali sebagai bunga kantil oleh masyarakat Indonesia dan memiliki semangat yang kuat sehingga boleh memberi kejayaan zahir dan batin. Selain itu, bunga ini selalu dikaitkan dengan perasaan kasih sayang kepada seluruh makhluk hidup. Bunga cempaka mempunyai tiga warna berbeza, iaitu putih, kuning dan merah. Bukan sahaja bunganya mengeluarkan bau wangi, malah kayu dan daunnya juga memiliki bau wangi yang sama. Menurut Wisnubrata (2020), bunga ini sangat akrab dengan masyarakat Jawa Tengah dan selalu digunakan untuk tujuan kecantikan dan kesihatan. Bunga ini mampu mengurangkan perasaan negatif yang diakibatkan oleh tekanan dan perasaan cemas. Walau bagaimanapun, masyarakat Indonesia selalu juga mengaitkan bunga cempaka ini dengan hal-hal ghaib dan mistik.

3. Bunga Melur

Bunga ini juga disebut sebagai bunga melati yang merupakan tanaman membiak secara keratan batang. Umumnya, melur berwarna putih dan kuning. Bunganya terdiri daripada lima hingga enam kelopak dan memiliki bau harum yang kuat. Bunga ini mempunyai khasiat untuk merawat demam panas dan masalah kulit seperti panau. Sifat bunga melur yang putih dan berbau harum menyebabkan bunga ini sering dijadikan penyeri dan wangian dalam upacara adat yang dijalankan (Khairulanwar & Noriah, 2019). Selain itu, masyarakat Melayu selalu melambangkan bunga melur sebagai sesuatu yang membawa konotasi positif, yang berhubung dengan hati manusia, iaitu kesucian, ketulusan dan kebersihan hati.

3. Bunga Kenanga

Pokok kenanga boleh mencapai ketinggian antara tiga hingga dua puluh meter (J. J. Setia Budi, N. L. Yuli Damayanti, Y. Rama Dhani dan N. P. Antari Dewi, 2018). Bunga kenanga terdiri daripada enam lembar daun dengan mahkota berwarna kuning serta tiga lembar daun berwarna hijau. Bunga ini selalu ada dalam penyediaan bunga rampai dalam kenduri kahwin di kampung-kampung dan dipercayai mampu menyerlahkan aura dan pesona raja sehari (Intan Mas Ayu, 2017). Melalui kajian yang telah dibuat terhadap minyak pati bunga kenanga, banyak pengkaji mencatatkan bahawa bunga ini berupaya meredakan tekanan, menenangkan fikiran, meningkatkan keyakinan, meningkatkan keinginan seksual, mengubati jangkitan kulat, menstabilkan masalah darah tinggi serta mampu juga memberi kesan buruk kepada individu yang memiliki masalah alergi (Wisnubrata, 2020).

4. Bunga Mawar

Bunga mawar juga dikenali sebagai bunga ros. Pokok ini telah lama dikenali oleh masyarakat Melayu dan telah pun disebutkan dalam karya klasik Melayu bertajuk *Hikayat Bayan Budiman* sekitar tahun 1370-an lagi. Bunga mawar mempunyai bau harum, memiliki pelbagai warna seperti merah, kuning, putih, merah jambu, biru

dan ungu serta mengandungi lima hingga lebih kelopak untuk sekuntum bunga. Bunga mawar merah sering dijadikan lambang perasaan cinta dan kasih sayang serta meningkatkan keyakinan diri seseorang.

5. Bunga Tanjung

Bunga tanjung berasal daripada pokok bersaiz sederhana, rendang dan dapat memberikan teduhan daripada cahaya matahari yang terik. Bunga tanjung berbau harum dan selalu diselitkan pada sanggul sebagai hiasan kepala wanita serta mewangikan rambut bagi masyarakat Melayu tradisional dan masyarakat India.

6. Bunga Kesidang

Bunga ini juga dikenali sebagai bunga pokok tikar seladang atau pokok bunga kerak nasi dan mempunyai perdu lebih kurang tiga meter tinggi. Bunganya berwarna putih, bersaiz kecil dan mengeluarkan bau wangi seperti bau daun pandan dan bau kerak nasi. Bunga ini juga merupakan satu daripada ramuan bunga rampai yang selalu digunakan dalam majlis perkahwinan di kampung-kampung termasuk menjadi bahan hiasan alat istiadat seperti tepak sirih dan Istiadat Siram Tabal (Nor Azian Saad, 2018).

7. Bunga Harum Malam

Bunga ini juga disebut sebagai bunga sedap malam atau harum sundal malam, mempunyai ketinggian lebih kurang tiga meter dan merupakan tumbuhan berumbisi. Unikinya, bunga ini menghasilkan bau wangi yang kuat pada waktu malam dan hal tersebut menyebabkan masyarakat Melayu selalu mengaitkannya dengan perkara mistik. Menurut Sotyati (2016), bau bunga ini berupaya meningkatkan keghairahan dan sering digunakan dalam upacara perkahwinan di Indonesia, India dan Hawaii. Selain itu, wangiannya juga tidak hilang walaupun telah lama dipotong daripada pokok dan selalu digunakan secara komersil di hotel mewah dan hospital swasta. Hal ini kerana baunya mampu mengubati tekanan serta memberi kesembuhan dalam bentuk aroma terapi (Suyanti, 2002).

Tujuh jenis bunga yang disebutkan ini ialah bunga yang selalu digunakan dalam adat mandi bunga masyarakat Melayu. Jika diteliti satu persatu, kesemua bunga ini menghasilkan bau harum dan mempunyai fungsi memberi kelegaan dan ketenangan kepada penggunanya. Maka tidak hairanlah jika bunga-bunga ini menjadi pilihan untuk adat mandi bunga kerana salah satu fungsi mandi adalah untuk membersihkan diri. Bunga-bunga yang digunakan memberi nilai tambah dari segi wangian dan kesegaran melalui deria bau yang mampu merangsang saraf seseorang. Menurut Wan Husni et al. (2019), dengan gabungan unsur alam, iaitu air dan bunga dapat memberikan nilai perubatan dalam penjagaan kesihatan rohani seperti menaikkan semangat, aura dan seri muka.

Mandi bunga dalam adat masyarakat Melayu ditambah dengan dua bahan wajib lain, iaitu limau purut dan sintok. Sintok juga dikenali sebagai akar belu, akar kapang, akar beluru dan akar belerang. Akar ini mempunyai banyak khasiat dan digunakan sebagai bahan untuk membuat pilis yang disapu ke dahi wanita selepas melahirkan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pening kepala dan angin meroyan (temu bual informan³). Sintok juga digunakan sebagai penyegar yang boleh mengembalikan kecergasan tubuh badan dan memulihkan semangat. Selain itu, masyarakat Melayu tradisional turut mengamalkan mandi menggunakan kulit akar sintok selepas suci dari haid untuk mengembalikan kecergasan di samping mengharumkan tubuh badan (temu bual informan⁴). Jika dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Melayu primitif sebelum ini, nampaknya fahaman tersebut masih ada atau sekurang-kurang masih digunakan sehingga ke hari ini. Bunga, sintok dan limau purut memiliki bau wangi, cantik dan khasiat seperti mampu menghilangkan tekanan, meningkatkan keghairahan, kesucian dan semangat. Oleh itu, wujud kepercayaan bahawa bahan ini mempunyai jiwa dan semangat yang mampu menyembuhkan dan melindungi orang yang menggunakannya.

KAEDAH PENYEDIAAN

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan dengan infoman³ seorang pengamal perubatan tradisional di Parit Haji Amin, Sungai Rawa, Parit Buntar, Perak, beliau menerangkan kaedah penyediaan mandi bunga adalah seperti yang berikut:

1. Sediakan “air penawar”, iaitu air yang telah dibacakan doa atau dijampi dengan menggunakan ayat suci. Air penawar ini boleh diminum, disapu pada tubuh yang sakit atau digunakan untuk mandi.
2. Sediakan air sejuk dalam bekas atau wadah besar atau kolah air. Kemudian campurkan segelas atau semangkuk air penawar yang telah disediakan sebelumnya ke dalam bekas atau wadah besar atau kolah air.
3. Masukkan bunga-bunga segar ke dalam bekas berisi air. Ada juga yang mensyaratkan bunga itu perlu direndam semalaman untuk membuatkan semangat bunga-bunga tersebut meresap dan sehati dengan air. Tidak hanya itu, ada juga yang mensyaratkan bahawa bunga dalam air harus mendapat cahaya matahari secara langsung selama beberapa jam sehingga bunga-bunga tersebut layu dan semangat bunga itu larut dalam air. Cahaya matahari dipercayai berupaya melepaskan tenaga bunga ke dalam air.
4. Mandi bunga sebaik-baiknya dilakukan sendiri. Campur tangan orang lain akan mengurangi semangat air bunga tersebut kerana telah berlaku perpindahan tenaga.

Pengamal perubatan hanya akan menyediakan air penawar, bekas mandian dan bunga-bunga serta memberi arahan kepada individu tersebut. Semasa proses mandi bunga berlangsung, individu terbabit perlu menikmati mandian dengan mengosongkan kepala tanpa memikirkan hal-hal lain yang mengusutkan fikiran dan hati. Mandi bunga perlu dilakukan dengan tenang sambil menarik nafas perlahan-lahan dan menikmati setiap curahan air ke tubuh badan serta menghidu wangian bunga-bunga tersebut.

Menurut informan, mandi bunga mempunyai pantang larang tertentu. Salah satunya ialah individu terbabit tidak boleh membersihkan sisa mandian, iaitu bunga-bunga yang bertaburan di lantai bilik mandi. Hal ini kerana semangat jahat atau nasib tidak baik yang ingin dibuang akan kembali melekat atau hinggap semula ke badan yang telah bersih.

Selain itu, mandi bunga juga diiringi dengan bacaan mantera dan doa tertentu bergantung pada tujuan dan objektif individu yang mendapatkan khidmat tersebut. Mantera yang dibaca oleh pengamal perubatan akan mendatangkan semangat atau tenaga dalaman dan dipercayai dapat mendatangkan manfaat yang diinginkan oleh individu tersebut. Unsur-unsur Islam sangat ketara apabila bacaan mantera dimasukkan dengan lafaz bismillah, dan diakhiri dengan alhamdulillah dan syahadah. Individu terbabit juga akan disuruh berselawat dan membaca surah-surah tertentu, malah ada yang disuruh menghadap kiblat dan mandi ketika azan bergema (temu bual informan).

Semua unsur Islam ini membuktikan satu jalinan yang kuat antara adat dan agama. Malah pengamal perubatan tradisional yang ditemu bual juga menegaskan bahawa mandi bunga dianggap sebagai suatu ikhtiar dan tawakal. Biasanya, pengamal perubatan tradisional akan berpesan kepada individu terbabit bahawa “Allah sahajalah yang menolong awak, saya ini cuma berikhtiar.” Pengamal perubatan tradisional akan berdoa untuk memohon diberikan keberkatan atas usaha mandi bunga yang dilakukan. Antara inti doa yang lain termasuklah memohon agar individu yang mendapatkan khidmatnya itu dihilangkan segala masalah dan nasib malang, dijauhkan kesukaran dan kesusahan dalam semua urusan. Seterusnya, beliau akan memohon agar individu terbabit dilimpahkan rezeki, keuntungan, ketenteraman hati, sihat jasmani dan rohani, serta selamat dunia dan akhirat (temu bual informan).

Semua pengamal perubatan tradisional akan memberitahu perubatan atau upacara yang dilakukan berlandaskan Islam. Hal ini kerana mereka akan menggunakan doa dan ayat suci al-Quran seperti bismillah, al-Fatihah, tiga Qul, selawat, syahadah dan sebagainya. Perkara ini menjadi penguat bahawa perubatan dan upacara tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Menurut Paul, Nor Sahayu & Tuan Nur Aisyah (2009:261), adat mandi bunga dianggap tidak bertentangan dengan Islam,

malah jika seseorang ditimpa musibah atau penyakit, maka harus bagi individu itu mencari penawar. Akan tetapi usaha itu tidak boleh mengambil atau menggunakan perlakuan atau gerak laku yang haram dan melanggar syariat Islam. Pendapat ini seiring dengan penjelasan yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang menjawab soalan yang diajukan Umar Mukhtar Mohd Noor berkaitan “mandi bunga untuk jodoh” bertarikh 14 Mac 2016. Jawapan berkaitan soalan tersebut adalah seperti yang berikut:

Jika tidak disertakan unsur syirik dan khurafat, mungkin tidak mengapa sebagai ikhtiar, bagi tujuan kesihatan, kesegaran badan dan terapi memulihkan semangat semata-mata. Jangan diiktikadkan perbuatan itu boleh mengawal jodoh, sebaliknya pintalah kepada Allah SWT. (<https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1796-mandi-bunga-untuk-jodoh>)

Secara umumnya jawapan ini merujuk mandi bunga bagi tujuan yang jelas seperti kesihatan, kesegaran tubuh badan dan terapi memulihkan semangat adalah dibolehkan. Terdapat peringatan dalam jawapan di atas, iaitu meminta jodoh kepada Allah dan tidak mengharap jodoh daripada mandi bunga semata-mata.

Dalam konteks ini, adat mandi bunga tidak boleh melakukan hal syirik yang boleh menyekutukan Allah SWT. Misalnya, mendapatkan khidmat makhluk ghaib untuk melindungi dan menyembuhkan pesakit, serta menggunakan mantera yang memuja semangat atau roh. Berdasarkan penerangan yang diberikan oleh Intan binti Abdullah, adat mandi bunga yang dilakukannya masih menjaga syariat termasuk dari segi aurat dan mahram kerana beliau hanya akan memberi khidmat kepada wanita yang ditemani oleh ahli keluarga terdekat.

FUNGSI MANDI BUNGA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Dalam acara perkahwinan masyarakat Melayu tradisional, semua bakal pengantin diharuskan mandi bunga untuk menaikkan seri wajah sebelum hari persandingan. Menurut Intan binti Abdullah, mandi bunga sebelum persandingan ini disertakan dengan mantera dan doa. Seterusnya bakal pengantin diminta untuk menyarungkan kain batik dari kaki ke atas dan menanggalkan kain batik itu dari atas ke kaki (dari paras dada ke kaki).

Pengamal perubatan tradisional yang membantu dalam adat ini biasanya bidan atau bomoh wanita yang telah biasa melaksanakan tugas tersebut dalam sesebuah kampung. Pantang larang mengenai cara menyarung dan menanggalkan kain batik itu bertujuan untuk menjaga aura dan seri pengantin tersebut (temu bual informan). Menanggalkan kain batik dari atas akan menyebabkan sisa mandian terkena

kepada wajah dan kepala bakal pengantin dan itu dipercayai akan menghilangkan seri wajahnya pada hari persandingannya. Semasa mandi bunga dijalankan, bakal pengantin tidak boleh bercakap-cakap melainkan membaca selawat tanpa henti bermula pada saat persiapan untuk menyarung kain batik sehingga keluar dari tempat mandi. Bacaan selawat harus disertai dengan niat ingin mendapatkan keindahan dan kebahagiaan dalam rumah tangga yang akan dibina.

Seterusnya, semua urusan menjirus dan membersihkan sisa mandian akan dilakukan oleh bidan atau bomoh wanita yang menjalankan adat tersebut. Teknik ini berbeza dengan penjelasan sebelumnya kerana mandi bunga ini adalah untuk bakal pengantin. Maka bakal pengantin akan dilayani dan hanya perlu menyapu dan meratakan air mandian ke seluruh badannya tanpa perlu melakukan hal-hal lain. Adat mandi bunga untuk bakal pengantin mempunyai tujuan yang berbeza dan menyangkut soal kesucian bakal pengantin perempuan (temu bual Intan binti Abdullah). Kesemua bidan atau bomoh wanita akan mengetahui kesucian diri, iaitu dara atau tidak seseorang bakal pengantin pada ketika melakukan adat mandi bunga. Perkara ini merupakan satu kelebihan yang diperoleh bidan atau bomoh wanita kerana ilmu itu diturunkan dari satu generasi ke satu generasi perbomohan. Akibat kelebihan tersebut, kebanyakan bakal pengantin hari ini tidak mahu lagi melakukan adat mandi bunga yang dikendalikan oleh bidan atau bomoh wanita (temu bual informan). Bakal pengantin hari ini lebih suka melakukan mandi bunga di salun-salun kecantikan atas alasan tidak mempercayai bidan atau bomoh.

Masyarakat umumnya tidak mengetahui bahawa peranan bidan atau bomoh wanita hanya untuk menaikkan seri wajah pengantin dan mendoakan kelancaran majlis perkahwinan tersebut. Yang berikut ialah inti doa yang akan dibacakan:

1. Memohon kebahagiaan kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan.
2. Memohon agar tidak ada bencana yang berpunca daripada sihir atau santau.
3. Memohon agar tidak diturunkan hujan.
4. Memohon agar makanan tidak diracuni dan mencukupi sepanjang majlis.
5. Memohon tetamu yang hadir menyenangi majlis perkahwinan yang dijalankan.
6. Memohon agar lisan dan tutur bicara pihak pengantin perempuan lancar semasa urusan “jual beli” pantun.
7. Mendoakan beras kunyit yang akan digunakan untuk menyambut rombongan pengantin lelaki dan menguruskan acara tepung tawar.

Jika bidan atau bomoh wanita mengetahui aib bakal pengantin perempuan, iaitu dalam konteks ini tidak mempunyai dara lagi, maka bidan atau bomoh wanita akan berusaha menggunakan doa dan mantera untuk menutup aib tersebut. Biasanya bakal pengantin ini akan diberikan sirih (yang telah dibacakan doa dan mantera) untuk dikunyah oleh bakal pengantin perempuan tersebut. Salah satu daripada pantang yang perlu dipatuhi oleh bidan atau bomoh wanita adalah menyimpan rahsia keluarga yang mendapatkan khidmatnya dan hal ini tidak diketahui oleh masyarakat umum (temu bual informan). Salah faham masyarakat terhadap peranan bidan atau bomoh wanita yang melaksanakan adat mandi bunga adalah antara penyebab hilangnya sambutan terhadap adat tersebut pada hari ini.

Selain perkahwinan, mandi bunga juga digunakan untuk mengawal dan menyembuhkan penyakit seperti demam panas, wanita selepas melahirkan dan sakit berkaitan dengan hal-hal mistik seperti semangat, hantu, jembalang, penunggu atau pelesit, sihir, keramat dan lain-lain (Nurdeng Deuraseh, 2010:90). Sakit berkaitan dengan hal mistik ini boleh menyebabkan pesakit hilang keyakinan diri, tidak mendapat jodoh atau lambat jodohnya dan sering ditimpa masalah yang tidak diduga. Misalnya, ternampak lembaga dan perkara seram yang akan membuatkan pesakit hilang keberanian dan selalu berada dalam ketakutan. Wan Husni et al. (2019) menjelaskan bahawa mandi bunga memberi kesan terhadap penjagaan kesihatan rohani kerana faktor air sejuk, haruman bunga dan warna bunga yang digunakan dapat mengaktifkan sistem saraf simpatetik dan meningkatkan tahap beta-endorfin dalam darah. Sekali gus peningkatan ini berupaya menjadikan seseorang itu lebih tenang dan lega.

Seterusnya, mandi bunga juga digunakan sebagai alternatif masyarakat Melayu tradisional untuk menyingkirkan tenaga asing yang diyakini membawa nasib malang kepada pesakit tersebut. Percaya kepada nasib malang yang juga disebut sebagai “sial” ini membawa konotasi dan respons yang negatif dalam masyarakat Melayu. Seseorang yang digelar sebagai “pembawa sial” ialah individu yang tidak akan mendapat tempat dan perhatian dalam masyarakatnya (Fadhilah, 2020). Anggota masyarakat juga berusaha untuk menjauhkan diri mereka kerana risau nasib malang itu akan menimpa diri mereka. Aktiviti membuang nasib malang atau sial ini sebenarnya telah dilakukan pada sekitar tahun 1900 sehingga 1960-an pada bulan Islam, iaitu bulan Safar (Wazir Jahan, 2018). Masyarakat Melayu percaya bahawa bulan Safar mengandungi nasib malang sehinggakan semua aktiviti perkahwinan, mendirikan rumah dan memulakan pekerjaan tidak dilakukan pada bulan ini (Mohamad, 2020). Pada bulan ini, masyarakat Melayu akan pergi ke sungai atau air terjun atau laut untuk mandi dengan niat membuang nasib malang mereka. Penjelasan ini adalah sebagai makluman bahawa usaha membuang nasib malang atau sial dalam masyarakat Melayu-Islam pernah berlaku sebelum ini dan yang melibatkan aktiviti

mandi menggunakan air berserta niat serta doa dan tidak menggunakan adat mandi bunga.

Seterusnya perlu disebutkan di sini, mandi bunga juga bertujuan untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati oleh seseorang. Yang berikut ialah tujuan mandi bunga dalam kategori tersebut:

1. Memiliki ilmu hitam atau tangkal atau disebut juga sebagai azimat.
2. Menuntut ilmu khas seperti silat, ilmu hitam dan ilmu kebal.
3. Memikat lelaki atau perempuan atau majikan.
4. Memakai susuk.
5. Ingin mendapatkan kedudukan, status, pekerjaan, wang atau perlindungan.

Mandi bunga dalam kategori ini, pastinya akan disertai dengan mantera khusus sesuai dengan hajat yang diminta oleh pelanggannya. Misalnya, mandi bunga bagi tujuan memiliki ilmu hitam atau tangkal adalah untuk menjaga diri pengguna ilmu dan tangkal tersebut. Lazimnya, pengguna ini telah diberitahu tentang pantang larang yang perlu dipatuhi melibatkan mandi bunga. Hal ini adalah untuk memastikan keberkesanan ilmu dan tangkal yang dimilikinya. Seterusnya bagi tujuan menuntut ilmu khas silat, ilmu hitam, dan ilmu kebal, penuntut akan diminta untuk melakukan mandi bunga bagi meningkatkan keberanian dan menarik makhluk ghaib untuk mendekatinya. Menarik makhluk ghaib ini adalah untuk penuntut ilmu hitam dan ilmu kebal.

Bagi tujuan memikat lelaki atau perempuan, mandi bunga adalah untuk menaikkan seri wajah dan tubuh badan supaya dapat menarik lelaki atau perempuan yang menjadi sasaran. Biasanya untuk tujuan memikat ini, pelanggan sudahpun mempunyai sasaran yang dituju dan tarikan itu akan hanya mengena kepada sasaran tersebut dan tidak kepada orang lain. Terdapat juga pelanggan yang berniat jahat, iaitu ingin memerangkap lelaki atau perempuan demi kemewahan harta benda dan untuk tujuan ini mantera akan dibacakan sesuai dengan permintaan pelanggan. Selain itu, tujuan memikat juga sering dilakukan untuk mendapat perhatian majikan atau projek di tempat kerja. Dalam konteks ini, mantera yang digunakan juga adalah sesuai dengan maksud dan hajat pelanggan tersebut. Bagi tujuan memakai susuk untuk kecantikan wajah atau anggota badan atau kemaluan, pelanggan perlu mandi bunga yang disediakan oleh bomoh atau dukun terlebih dahulu sebelum susuk dipakaikan.

Seterusnya bagi tujuan kedudukan, status, pekerjaan, wang atau perlindungan, pelanggan perlu mematuhi pantang larang dan mandi bunga yang diuruskan oleh bomoh dan dukun yang memberi khidmat. Lazimnya mandi bunga akan dilakukan

pada tengah malam di rumah dukun atau bomoh. Setelah dimandikan kali pertama oleh bomoh atau dukun, pelanggan tersebut akan diberikan bunga-bunga, sintok dan limau purut yang telah dibacakan mantera. Pelanggan perlu mandi sendiri di rumah mereka sesuai dengan arahan yang diberikan oleh bomoh atau dukun. Menurut Intan binti Abdullah, mandi bunga dalam kategori mendapatkan sesuatu yang dihajati ini lebih kepada keinginan yang negatif walaupun terdapat tujuan untuk memohon perlindungan. Perlindungan yang dihajatkan itu lebih kepada membalas kembali niat atau perbuatan jahat yang dilakukan orang lain ke atas dirinya. Berdasarkan semua tujuan dalam kategori ini, jelas menunjukkan mandi bunga merupakan syarat utama atau hal wajib sebelum ritual sebenar dijalankan.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati masih terdapat amalan mandi bunga yang dilakukan hingga ke hari ini oleh masyarakat Melayu. Amalan mandi bunga khususnya dalam hal perkahwinan, jodoh, naik seri wajah dan mendapatkan nasib yang baik dalam konteks ini membuang nasib malang, misalnya mencari pekerjaan dan mendapat perhatian majikan dan projek di tempat kerja. Mandi bunga secara tidak langsung dikaitkan dengan adat kerana melibatkan tatacara tertentu dan dilakukan dengan tujuan tertentu seperti yang dinyatakan di atas. Secara umumnya, mandi bunga sebenarnya masih menjunjung tinggi fahaman masyarakat Melayu primitif yang percaya kepada semangat, roh dan mantera kerana bunga-bunga yang dipilih juga mempunyai maksud dan fungsi yang khas. Terdapat banyak tujuan lain di sebalik adat mandi bunga yang dilakukan dalam masyarakat Melayu dan kajian ini memberi penjelasan bahawa setiap adat itu perlu difahami dengan baik agar tidak bertentangan dengan agama yang dianuti.

Pada masa kini, mandi bunga bukan lagi dianggap sebagai adat yang wajib dilaksanakan dalam majlis rasmi seperti perkahwinan. Mandi bunga juga sudah beradaptasi dengan zaman yang kian berubah. Masyarakat moden tidak lagi menganggap mandi bunga sebagai sesuatu yang bersifat sakral. Hal ini kerana, mandi bunga dalam acara perkahwinan hanya dilakukan untuk memeriahkan acara bersama-sama dengan ahli keluarga terdekat. Pengendaliannya juga tidak lagi melibatkan pengamal perubatan tradisional seperti bidan, bomoh atau dukun tetapi melibatkan pengurus dan pekerja salun kecantikan dan tidak lagi menggunakan bacaan mantera. Besar kemungkinan hal ini terjadi kerana pengetahuan masyarakat yang terhad kepada mandi bunga yang kaya dengan unsur mistik dan sering diperihalkan sebagai bertentangan dengan agama kerana wujud kepercayaan tentang semangat dan roh.

NOTA

1. Sila rujuk adat <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=adat>
2. Temu bual bersama Dr. Saravanan P. Veeramuthu pada 15 Januari 2023 di pejabat beliau di USM, Pulau Pinang.
3. Informan ialah pengamal perubatan tradisional di kampung Parit Haji Amin, Sungai Rawa, Parit Buntar Perak. Beliau telah menjalankan khidmat ini selama tiga puluh tahun dan kini usianya telah mencecah lima puluh lima tahun. Beliau mendapat ilmu sebagai pengamal perubatan tradisional daripada kedua-dua ibu bapanya yang merupakan pawang dan bidan di kampung tersebut. Sehingga kini, masih banyak orang Melayu yang mendapatkan khidmat perubatannya bukan sahaja dari kampung berdekatan tetapi juga dari negeri-negeri di Selatan Semenanjung Malaysia.
4. Temu bual bersama Intan binti Abdullah pada 20 Ogos 2020 di Parit Haji Amin, Sungai Rawa, Parit Buntar Perak. Pukul 4.00 petang di rumah beliau.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada informan yang banyak memberi kerjasama dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Afria Ulin Nuha & Farah Fahrudin Nisa. (2020). Kearifan lokal: Nilai dalam mandi kembang lesan di desa Gemblengan Kabupaten Wonosobo. (2020). *ASNA: Jurnal Kependidikan Islam dan Keagamaan*, 2(1). E-ISSN: 2716-3105 P-ISSN: 2721-0103.
- Asmad. (1990). *Kesenian adat, kepercayaan dan petua*. Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Fadhilah Is. (2020). Analisis dan komparasi hadis wanita pembawa sial shahih. *Jurnal Kewahyuan Islam*, 3(1), 1–21.
- Intan Mas Ayu Shahimi. (2017). Bunga pelbagai kegunaan. <https://www.hmetro.com.my/node/203597>. Dicapai pada 16 Julai 2020.
- J. J. Setia Budi, N. L. Yuli Damayanti, Y. Rama Dhani, dan N. P. Antari Dewi. (2018). Ekstraksi dan karakterisasi minyak atsiri bunga kenanga (*cananga odorata*) dan aplikasinya sebagai penolak nyamuk pada lotion dan parfum. *Jurnal Kimia*, 12(1), 19–24.
- Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed. (2019). Analisis sosiosemiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun nasihat. *Journal of Advanced Research Design*, 57(1), 1–20.

- Nor Azian Saad. (2018). Bunga Kesidang antara sembilan jenis bunga dalam istiadat siram tabal. <https://malaysiaaktif.my/47918>. Dicapai pada 5 Ogos 2020.
- Nurdeng Deuraseh. (2010). Transformasi Adat Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah. *Jurnal Peradaban*, [S. 1.], 3, 83–98.
- Nur Kasih Prihantini, Dahniar Th Musa & Pabali Musa. (2020). Tradisi mandi kembang kaum perempuan di desa Sungai Nipah Kecamatan Jongkat Kabupaten Mempawah. *Jurnal Antropologi*, 1(2), 91–103.
- Mohamad H. Rais. (2020). Buang kepercayaan kononnya Safar bulan turun bala. <https://www.beritaharian.sg/hidayah/buang-kepercayaan-kononnya-safar-bulan-turun-bala>. Dicapai pada 4 Oktober 2020.
- Paul, Daisy, Nor Sahayu Hamzah & Tuan Nur Aisyah Tuan Abdul Hamid. (2019). Inteprestasi ritual mandi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 257–269.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 14 Mac 2016. Mandi bunga untuk jodoh. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1796-mandi-bunga-untuk-jodoh>. Dicapai pada 4 Oktober 2020.
- PRPM, Carian Umum Adat, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=adat>. Dicapai pada 13 Mac 2021.
- Sotyati. (2016). Sedap Malam, bunga eksotis sarat mitos. <http://www.satuharapan.com/read-detail/read/sedap-malam-bunga-eksotis-sarat-mitos>. Dicapai pada 16 Julai 2020.
- Suyanti. (2002). Teknologi pascapanen Bunga Sedap Malam. *Jurnal Litbang Pertanian*, 21(2), 24-31.
- Wan Husni Wan Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron & Arieff Salleh Rosman. (2019). Terapi mandi bunga dalam perubatan Melayu untuk penjagaan kesihatan mental. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2), 123–135. [www.http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran](http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran). Dicapai pada 15 Mei 2022.
- Wazir Jahan Begum Karim. (2018). *Boria: From passion play to Malay-Jawi Peranakan Parody*. Pelanduk Publications, Yayasan Hasanah dan Penang Jawi Peranakan Heritage Society.
- Wisnubrata. (2020). Bukan mistis, ini manfaat bunga Kantil <https://lifestyle.kompas.com/read/2020/09/16/142836720/bukan-mistis-ini-manfaat-bunga-kantil?page=alli>. Dicapai pada 28 September 2020.